

BNM terbit Bon Merdeka untuk pesara

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Bank Negara Malaysia (BNM) akan menerbitkan bon berkala atau 'Bon Merdeka' bagi warga emas untuk membantu mereka mendapat pulangan baik berikutan kadar faedah simpanan yang rendah di institusi-institusi kewangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bon itu bertempoh matang dua tahun dengan pulangan sebanyak lima peratus setahun.

"Kerajaan prihatin terhadap kesan rejim kadar faedah rendah kepada golongan pesara yang berusia 55 tahun ke atas tanpa pekerjaan tetap dan bergantung kepada pendapatan simpanan di institusi kewangan."

Ketika membentangkan Bajet 2004 di sini, beliau berkata, kerajaan juga bercadang mengecualikan cukai daripada pulangan bon itu.

"Untuk menghargai perkhidmatan dan pengorbanan anggota beruniform yang telah bersara, terbitan bon ini akan dibuka juga kepada mereka yang bersara wajib," ujarnya.

Beliau juga berkata, kerajaan telah mengambil langkah menambah pendapatan boleh guna rakyat melalui potongan cukai dan pemberian insentif, potongan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta pemberian bonus kepada anggota perkhidmatan awam apabila kewangan mengizinkan.

Katanya, sebagai langkah untuk menggiatkan aktiviti ekonomi domestik ialah menggalakkan rakyat berbelanja dalam negara. Ini kerana setiap ringgit yang dibelanjakan oleh penduduk Malaysia akan menghasilkan kesan ekonomi berganda.